

# **Berita Harian** AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

ISNIN, 17 MEI, 1982

## MENGUBAH SIKAP DAN AMALAN HIDUP

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

### RENCANA PENGARANG

INTIPATI ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di perhimpunan Hari Bella Negara kelmarin adalah jelas. Tujuan kita meningkatkan pembangunan negara bukan untuk bermegah-megah tetapi bagi memelihara maruah dan keselamatan. Maruah kita kerap terhina semata-mata kerana ketidak-upayaan kita membangun sendiri negara ini dari berbagai segi, menyebabkan kita terpaksa banyak bergantung kepada pihak lain. Pergantungan kepada pihak lain juga mendedahkan kita kepada tekanan dan muslihat pihak lain itu dalam soal keselamatan.

Kerana itu slogan bersih, cekap dan amanah bukanlah diciptakan oleh Barisan Nasional untuknya memenangi pilihanraya semata-mata tetapi sebagai landasan untuk mencapai hasrat besar ini. Bahawa ketiga-tiga sifat ini berupaya merangsang produktiviti yang lebih tinggi memang tidak dapat disangkal. Masalahnya ialah bagaimana

menjadikannya amalan hidup segenap lapisan rakyat.

Usaha Kerajaan untuk menjadikannya amalan memang hebat. Langkah-langkah memperkuat BPR, sistem penilalan mutu kerja serta ganjarannya, kad waktu dan sebagainya semuanya bertujuan ke arah ini. Bagi memperluatkannya Kerajaan juga memandang ke timur untuk mempelajari dan meneladani sistem pengurusan dan sikap bekerja Jepun dan Korea yang telah menjadikan negara-negara tersebut begitu maju. Tetapi semuanya ini adalah langkah-langkah peraturan dan pengurusan saja. Bagi sifat-sifat ini menjadi amalan hidup yang lebih menyeluruh, banyak sikap yang telah sebatik menjadi tabiat kebanyakan kita sekarang perlu diubah. Sikap "tidak apa", mengambil jalan mudah dan menjaga periuk nasi sendiri adalah penghalang besar kepada penyemalan sifat-sifat bersih, cekap dan amanah itu.

Tetapi mengubah sikap adalah usaha

yang amat berat. Tidak syak lagi langkah-langkah peraturan dan pengurusan juga besar ertinya dalam hubungan ini. Namun perubahan sebenar dalam sikap dan amalan hidup seluruh rakyat memerlukan usaha lebih besar dan masa yang lebih panjang. Ia melibatkan pendidikan formal dan tidak formal, dan sesuatu yang lebih bersungguh-sungguh mesti ditujukan kepada generasi muda. Ia harus disampaikan dalam semua kemungkinan dan kesempatan, melalui sekolah, pertubuhan-pertubuhan bella dan lain-lain. Segala jentera yang mungkin, termasuk sebaran am, perlu digunakan secara yang teratur. Latihan guru dan buku-buku sekolah harus disediakan bagi memikul tanggungjawab ini. Pemimpin-pemimpin bella perlu diberi kursus yang berkesan untuk mengembangkannya kepada ahli-ahli. Dan, turut penting, ialah sebaran am yang bertanggungjawab, sedar serta jelas dengan aspirasi negara yang sebenar dan komited terhadapnya.